

## Konsep Pendidikan Islam: Adab Guru-Pelajar

### *The Concept of Islamic Education: Teacher-Student Adab*

Adibah Sulaiman@Mohamad<sup>1</sup>, Mohd Azmir Mohd Nizah<sup>2</sup>, Ahmad Norsyafwan Norawawi<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Teras & Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia;

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia;

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia.

#### Progres Artikel

Diterima: 19 April 2019

Disemak: 31 Mei 2019

Diterbit: 31 Mei 2019

\*Perhubungan Penulis:  
Adibah Sulaiman@Mohamad,  
Pusat Pengajian Teras &  
Fakulti Pengajian Bahasa  
Utama  
Universiti Sains Islam  
Malaysia, Bandar Baru Nilai,  
71800, Negeri Sembilan,  
Malaysia;  
Emel: adibah@usim.edu.my

**Abstrak:** Dalam korpus pengajian Islam, pendidikan adab sangat dititikberatkan oleh para sarjananya. Bagaimanapun, perubahan teknologi yang pantas telah membawa satu dimensi baru kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pembelajaran interaktif berasaskan multimedia atau pelbagai aplikasi dilihat sebagai sebahagian daripada strategi PdP dan mendapat perhatian golongan akademik di Malaysia termasuklah mereka yang berada dalam bidang pengajian Islam. Disiplin pengajian Islam yang memberi penekanan yang sangat besar kepada aspek adab dalam PdP mewujudkan jurang antara pendekatan konvensional dan tuntutan teknologi semasa. Oleh itu, kajian ini bermatlamat untuk membincangkan konsep adab menurut perspektif Islam. Objektif kajian juga untuk meneliti aspek adab guru-pelajar dalam pelaksanaan PdP. Kajian ini menggunakan metodologi pendekatan teks deduktif. Dapatan menunjukkan penghayatan konsep adab dalam proses PdP Islam tidak hanya terhadap golongan pelajar tetapi juga mencakupi adab guru kerana adab mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam Islam.

**Kata kunci:** pendidikan; strategi pembelajaran; pendidikan Islam; Malaysia;

**Abstract:** In the Islamic studies corpus, adab (Islamic ethics) is very much emphasized by various scholars. However, due to ever changing technologies, the teaching and learning process is also evolved accordingly. Multimedia-based or multi-application interactive learning as part of teaching and learning strategies has acquired scholarly attention specifically in Malaysia. This situation has created a divide between conventional Islamic corpus approach and the current demand. Therefore, this study aims to discuss the concept of adab according to Islamic perspective. The objective of the study is also to examine the aspects of teacher-student adab in the implementation of teaching and learning. Using a sequential mixed methodology design with the deductive textual approach, and expert interview sessions, and a survey using a self develop questionnaire with purposive sampling technique. This study used a methodology of deductive text approach. The findings show that the concept of manners in the Islamic PdP process is not limited to the students but also includes the adab teachers because manners have a distinctive position in Islam.

**Keywords:** education; learning strategy; Islamic studies; Malaysia

## Pengenalan

Revolusi Industri ke-4 (4IR) mencirikan masyarakat dunia dengan sistem siber fizikal melalui simpanan data yang besar bagi semua aplikasi, kewujudan robot dalam perkhidmatan, penggunaan internet dalam segala perkara, cetakan 3D dalam pelbagai aspek perkhidmatan dan juga keberadaan secara digital. Senario 4IR menunjukkan bahawa perubahan teknologi berlaku dengan sangat cepat dan pantas. Ia memberi implikasi yang sangat besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dimana pengajian ilmu boleh diakses dimana-mana dan pada bila-bila masa. Pembelajaran interaktif berasaskan multimedia atau pelbagai aplikasi yang merupakan sebahagian daripada strategi PdP telah mendapat perhatian para ahli akademik di seluruh dunia dan di Malaysia secara khusus termasuklah mereka yang menjalankan PdP bidang pengajian Islam. Ekosistem pengajian ilmu dalam Islam adalah berasaskan kepada kepentingan adab dan akhlak kerana kedua-duanya mempunyai nilai yang tinggi kepada pengajar dan penuntut ilmu.

## Pendidikan Adab dalam Islam

Istilah adab dari sudut bahasa, menurut Abu Hasan (1979) berasal daripada bahasa Arab iaitu *al-adabu (الأدب)* yang bermakna berkumpul. Ia merujuk kepada maksud berkumpulnya orang ramai pada hidangan yang disediakan. Ia adalah kiasan kepada maksud berkumpulnya orang ramai untuk mendapatkan kebaikan dirinya. Adab juga bermaksud berkumpul sifat-sifat yang baik pada seorang hamba (Ibnu Qayyim, 2011). Dari segi istilah, perkataan adab mempunyai definisi yang berbeza dalam kalangan sarjana Islam. Begitupun, umumnya ia merujuk kepada makna kebaikan akhlak, sikap, sifat dan perilaku sama ada pada diri individu atau hubungannya dengan individu yang lain. Hal ini kerana konsep adab merangkumi semua aspek tingkah laku manusia yang berasaskan kepada nilai pada etika, moral, budi bicara, budi pekerti, kesopanan dan kehalusan.

Ilmuwan Islam yang tulen sentiasa menekankan keutamaan adab bagi seorang pelajar. Antara kitab karangan sarjana Islam tentang adab yang bersifat khusus ialah *Adab al-Tolib wa Muntaha al-Adab*, *at-Tibyan fi Adab Hamlah al-Quran*, *Adab al-Mufti wal Mustafti*, *Ta'lim al-Mutaallim Toriq al-Taalum* dan *Tazkirah al-Sami' wal al-Mutakallim fi Adabi al-Alim wal al-Muatallim*. Selain itu, terdapat juga sarjana Islam yang membincangkan tentang adab seorang pelajar dalam bab khas kitabnya seperti *Ihya' Ulum*

*al-Din* karangan Imam al-Ghazali dengan tajuk “Adab bagi seorang guru dan pelajar”. Manakala *al-Majmu' Syarah al-Muhazzab* tulisan al-Nawawi mengandungi satu bab khas dengan tajuk “Adab bagi seorang guru” dan “Adab bagi seorang pelajar”.

Para sarjana Islam terdahulu tidak hanya menjadikan majlis ilmu atau kitab karangan mereka sebagai medan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dalam bidang masing-masing seperti al-Quran, al-Hadith, fiqh, usul, akhlak, tasawwuf atau bahasa tetapi turut menjadikannya sebagai wadah untuk membentuk adab dan akhlak setiap pelajar yang hadir ke majlis ilmu tersebut. Hal ini kerana seseorang pelajar bukan sekadar memerlukan ilmu dalam disiplin kepakaran gurunya tetapi juga pembentukan akhlak dan adab diri daripada seorang guru. Aspek pembentukan adab pelajar perlu menjadi pendidikan awal mereka seperti dinyatakan oleh Imam Malik ibn Anas, *تعلم الأدب قبل أن تتعلم العلم* Maksudnya, “Belajarlah adab sebelum kamu mempelajari ilmu pengetahuan” (al-Uthman, 2001). Kenyataan ini diperkuatkan oleh Ibnu Wahb, pelajar Imam Malik, tentang pengajiannya dengan gurunya itu iaitu *ما نقلنا من أدب مالك أكثر مما تعلمنا من علمه* maksudnya, “Tidaklah apa yang kami ambil daripada adab Malik lebih banyak berbanding apa yang kami belajar dari ilmunya” (al-Uthman, 2001).

## Adab Guru dan Pelajar

Konsep pendidikan dalam Islam bersifat holistik dimana ia menekankan keseimbangan aspek jasmani, rohani, intelek, emosi, dunia dan akhirat. Pendidikan Islam tidak hanya memberi penekanan kepada pembangunan jasmani dan mental semata-mata, bahkan turut menitikberatkan pembangunan aspek rohani dan akhlak (Asmawati Suhid, 2007). Pendidikan adab dalam pengajaran dan pembelajaran terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu adab guru kepada pelajar, adab guru sebagai pendidik, adab guru dengan ilmu pengetahuan, adab guru ketika pengajian, adab pelajar kepada guru, adab pelajar dengan ilmu, adab pelajar dengan buku, adab pelajar sebagai penuntut ilmu dan adab pelajar dalam majlis ilmu.

### *Adab Guru*

Guru berperanan besar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab menyampaikan ilmu yang benar dan membentuk diri pelajar. Oleh itu, fokus guru terhadap proses pendidikan yang sebenar perlu dititikberatkan bagi memastikan amanah tersebut dapat dilaksanakan. Para ulama terdahulu menyatakan bahawa syarat utama menjadi seorang guru ialah tidak menyibukkan diri dengan urusan lain selain daripada

perkara yang melibatkan proses mengajar dan mendidik. Kebanyakan masanya diluahkan untuk memikirkan persoalan bagaimana cara yang terbaik dalam mendidik para pelajar. Malah seorang guru perlu memberikan sebahagian besar tumpuan dan hak hidupnya kepada usaha mendidik dan mengajar (Sahnun, 1972).

Peranan guru untuk mengajar dan mendidik disifatkan oleh al-Ghazali (1998) sebagai satu tugas yang sangat besar dan berdepan dengan risiko yang tinggi jika tersilap adab, cara dan pendekatan. Justeru itu, seorang guru perlu menjaga beberapa adab utama bagi menjayakan pengajarannya. al-Nawawi (2001) membahagikan adab seorang guru kepada tiga bahagian iaitu adab pada diri sendiri, adab guru dengan ilmu dan adab ketika sedang mengajar.

### *Adab pada diri sendiri*

Persoalan dalaman guru dijelaskan oleh al-Nawawi (2001) dan al-Ghazali (1998) dalam tulisan mereka masing-masing berjudul *Majmu' Syarah al-Muhazzab* dan *Ihya' Ulumuddin*. Antara adab utama seorang guru ialah mendidik dan mengajar dengan matlamat untuk mendapatkan keredaan Allah semata-mata. Tugas mendidik dan mengajar bukan disebabkan oleh tujuan keduniaan mahupun kebendaan seperti mengharap upah dan gaji atau ucapan terima kasih daripada pelajar. Dalam kata lain, guru hendaklah mempunyai niat yang sangat ikhlas dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Oleh itu, guru perlu mempunyai amalan tertentu yang boleh mendekatkan dirinya kepada Allah. Hal ini bertujuan untuk mendidik diri seorang guru untuk berakhlak dengan akhlak yang mulia dan menjauhkan diri daripada sifat-sifat buruk. Kedua-duanya merupakan adab guru terhadap diri sendiri dalam konteks pendidikan dalam Islam bagi melaksanakan proses mendidik yang sebenar. Ia memberi refleksi kepada peranan awal seorang guru dalam mendidik iaitu menjadikan anak didiknya atau pelajar seperti anak sendiri yang perlu diterapkan dengan akhlak yang tinggi dan dijauhkan daripada sifat buruk.

### *Adab dengan ilmu pengetahuan*

Guru juga memainkan peranan penting dalam mendidik dan memberi tunjuk ajar kepada para pelajar dan secara umumnya, masyarakat. Oleh itu, guru perlu memiliki sikap berusaha mencari dan menambah ilmu pengetahuan secara berterusan. Al-Nawawi (2001) menegaskan bahawa guru hendaklah bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu pengetahuan walaupun ia diajar oleh mereka yang berkedudukan lebih

rendah. Kesungguhan menuntut ilmu termasuk juga rasa tidak malu untuk bertanya tentang sesuatu hal dan persoalan yang tidak diketahui. al-Nawawi turut menjelaskan bahawa guru perlu melibatkan diri dalam penulisan buku dengan tujuan untuk mengetahui dan memahami hakikat kebenaran ilmu.

### *Adab ketika pengajian*

Pemilihan waktu dan tempat yang sesuai perlu dititiberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan proses mendidik dan mengajar ilmu pengetahuan mencapai objektif dan hasrat pendidikan. Dalam konteks adab guru ketika pengajian, Fadhl Ilahi (2003) menyatakan bahawa guru perlu memilih waktu dan tempat yang sesuai untuk mengajar. Ia merujuk kepada amalan dan perbuatan Nabi s.a.w mengendalikannya sesuatu majlis ilmu. Dalam hal ini, Baginda lazimnya mengajar para sahabat pada waktu selepas mengerjakan solat Isyak atau pada pertengahan malam. Masjid dan rumah sahabat merupakan antara tempat utama tetapi Baginda juga mengajar ketika dalam perjalanan. Selain itu, pendekatan guru menghubungkan subjek atau topik pengajarannya dengan isu semasa juga sangat digalakkan. Ia bersesuaian dengan kaedah Nabi s.a.w yang turut menggunakan kejadian dan hal ehwal semasa dalam pengajaran. Contohnya, ketika Baginda dan para sahabat melihat seorang tawanan perempuan menyusukan seorang bayi, Baginda menyatakan bahawa ia adalah seumpama kasih sayang Allah kepada hambanya bahkan kasih sayang Allah adalah lebih daripada itu.

Selain daripada itu, guru disarankan menyambut kedatangan penuntut ilmu dengan baik. Ibnu Majah meriwayatkan dari Abu Said al-Khudri bahawa Nabi s.a.w mengalu-alukan kedatangan sahabat yang datang menuntut ilmu dengan Baginda dengan berkata, "selamat datang, selamat datang bagi orang yang telah diwasiatkan oleh Rasulullah dan buatlah mereka redha", iaitu ajarilah mereka ilmu. Guru perlu memastikan kehadiran pelajar ke pengajian agar mereka tidak ketinggalan dari segi silibus ilmu pengetahuan. Al-Nawawi (2001) menjelaskan bahawa antara tugas guru adalah memeriksa kehadiran pelajar dan bertanya tentang ketidakhadiran pelajar sebagaimana amalan Rasulullah terhadap para sahabat. Pendekatan ini membuatkan pelajar merasakan dirinya diperhatikan dan mendorongnya hadir ke tempat pengajian (Fadhl Ilahi, 2003).

Kaedah guru berdiri atau duduk secara menghadapkan diri ke arah pelajar adalah satu adab

yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran. Fadhl Ilahi (2003) menyatakan Imam Abi Jamrah telah menjelaskan bahawa kaedah menjawab persoalan yang ditanya secara menghadap kepada orang yang bertanya dianggap sebagai satu sunnah. Di samping itu, adab guru ketika pengajian juga merangkumi cara guru berkomunikasi dengan pelajar iaitu memanggil dengan nama atau gelaran yang disukai. Ia selari dengan sunnah Nabi s.a.w yang memanggil para sahabat Baginda dengan nama yang disukai sama ada nama asli atau nama panggilan yang baik. Kaedah atau cara ini mampu mengikat hati pelajar untuk menerima didikan dan ajaran daripada gurunya dengan sepenuh hati.

Ibn Jamaah (2012) menjelaskan bahawa matlamat pengajian adalah untuk memastikan pelajar memahami kandungan pengajian mereka. Dalam hal ini, guru perlu mengulangi perkataan yang penting terutama jika pelajar meminta berbuat demikian. Justeru itu, guru perlu mengelak sikap tergesa-gesa dalam menyampaikan pengajaran untuk memastikan pelajar dapat memahaminya dengan baik. Al-Ghazali (1998) menegaskan bahawa penjelasan guru perlu dilakukan dengan cara yang baik, jelas dan sesuai dengan tahap pelajar. Penerangan yang tidak jelas menyebabkan pelajar tidak meminati ilmu yang diajar. Dalam hal ini, Rasulullah menyampaikan pengajaran dengan tempo yang perlahan dan setiap lafaz adalah jelas. Rasulullah turut menyebut beberapa kalimah secara berintonasi sehingga perkataan nabi menjadi jelas dan dapat difahami oleh para pendengar (Fadhl Ilahi, 2003).

Di samping itu, guru juga perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Antara pendekatan Rasulullah adalah menggunakan bahasa verbal iaitu menunjukkan isyarat jari sebagaimana Baginda memberi isyarat dua jarinya untuk menunjukkan tempoh kiamat yang dekat. Ilustrasi berbentuk lukisan dan gambaran, perumpamaan, contoh dan sentuhan fizikal adalah adab penting bagi seorang guru ketika melaksanakan majlis pengajian untuk memberi kefahaman kepada sahabat. Menurut Fadhl Ilahi (2003), antara contoh Rasulullah mendidik para sahabat dengan cara ini ialah memegang tangan Ibnu Mas'ud untuk menunjukkan cara untuk tasyahhud, memegang tangan Abu Hurairah untuk menceritakan tentang lima wasiat dan menyentuh bahu Ibnu Umar sebelum menasihatinya. Kaedah ini mampu mendekatkan pelajar dengan guru dan membentuk fokus terhadap pengajaran.

Pendekatan pengajaran yang baik bukanlah pengajaran yang berbentuk sehala, iaitu guru bercakap

dan pelajar mendengar, tetapi ia berbentuk dua hala. Guru hendaklah membuka ruang kepada pelajar bertanya persoalan dan memberi pujian kepada pertanyaan yang bagus. Pembelajaran dua hala berlaku melalui pertanyaan dan jawapan antara guru dan pelajar. Ia boleh menimbulkan rasa kepunyaan kepada kelas dan pengajian dalam diri pelajar. Malah pujian terhadap pertanyaan yang bagus daripada pelajar mampu memotivasi mereka serta menimbulkan rasa tidak malu bertanya dan dihargai (Fadhl Ilahi, 2003).

## Adab Pelajar

Adab pelajar terbahagi kepada adab terhadap diri sendiri, adab dengan guru, adab dengan ilmu, adab dengan buku dan adab dalam majlis ilmu.

### *Adab terhadap Diri Sendiri*

Pendidikan adab bermula dari aspek dalaman diri seseorang individu dan pelajar secara khusus. Kebanyakan sarjana yang menghasilkan buku dan kitab tentang adab belajar bagi seorang pelajar lazimnya memulakan penulisan mereka dengan membincangkan persoalan ikhlas dan niat yang benar kerana Allah. Usaha mempelajari dan menuntut ilmu merupakan satu ibadah yang dapat memberi makna yang sebenar jika ia dimulai dengan niat yang betul. Imam al-Ghazali menekankan aspek penyucian dalaman diri pelajar sebelum memulakan pengajian. Menurut al-Nawawi, jiwa yang suci memudahkan pelajar menerima, menghafal dan mengembangkan ilmu tersebut. Dalam hal ini, tujuan utama menuntut ilmu hendaklah kerana Allah semata-mata. Sebahagian ulama' menyatakan bahawa ilmu seseorang boleh rosak jika dipelajari dengan tujuan selain daripada Allah (Abu Abdillah, n.d.). Keikhlasan menjadi syarat utama dalam setiap perbuatan dan amalan, termasuklah belajar. Keikhlasan dalam menuntut ilmu sama seperti keperluan jasad kepada ruh dimana jasad tidak berfungsi tanpa ruh. Perbuatan menuntut ilmu juga tidak bermakna jika tiada keikhlasan (Awwamah, 2013).

Adab pelajar terhadap diri sendiri juga meliputi akhlak yang mulia dan menjaga maruah diri (Abu Zaid, 2002). Pelajar perlu memberi perhatian kepada kepentingan sifat wara' dan mengelakkan perkara yang membuka ruang kepada fitnah diri atau merosakkan akhlak seperti tidur terlalu banyak, makan berlebihan, bercakap tanpa faedah dan mendekati ahli maksiat (al-Zarnuji, 1981). Selain daripada aspek niat, keikhlasan dan akhlak, adab pelajar yang lain ialah sifat sabar dalam menghadapi

kesukaran dan kepayahan menuntut ilmu. Al-Junaid ibn Muhammad menegaskan bahawa kunci kepada ilmu yang bernilai adalah kesungguhan untuk mempelajari ilmu tersebut. Pernyataan ini disokong oleh Yahya ibn Katsir yang menjelaskan bahawa ilmu tidak akan dikuasai dengan baik jika dilakukan secara santai dan bersenang-lenang (al-Nawawi, 2001). Dalam kata lain, penguasaan ilmu pengetahuan tidak akan berlaku melainkan pelajar berkesanggupan menempuhi kesukaran (Awwamah, 2013).

### *Adab dengan Guru*

Guru berperanan dalam membentuk pemikiran dan ilmu pelajar. Para sarjana menyatakan pelajar berhak untuk memilih guru sebagaimana pendapat Ibnu Sirin, “ilmu ini adalah agama, maka perhatikanlah dari siapa anda mengambil agama kamu”. al-Nawawi menegaskan bahawa keserjanaan seseorang pengajar tidak memadai dengan ilmu yang banyak sahaja. Sebaliknya, keserjanaan guru juga melibatkan pengetahuannya tentang ilmu syariat yang lain, selain mempunyai keberanian, agama, akhlak yang terpuji, fikiran yang jelas dan pemahaman yang sempurna (al-Nawawi, 2001). Pemilihan guru yang berkelayakan adalah faktor keberhasilan ilmu yang benar dalam diri pelajar. Malah kesempurnaan ilmu, menurut Ibn Qayyim, bermula dengan individu yang menyampaikan ilmu tersebut (Abu Abdillah, 1993).

Adab pelajar dengan guru amatlah penting dalam pendidikan di sisi Islam. Nasihat para sarjana Islam terutama tentang adab seorang pelajar dengan gurunya terlalu banyak. Rabiah Ibn Abi Abdirrahman menjelaskan bahawa “sesungguhnya manusia di sisi ulama’ mereka seperti anak-anak kecil yang memerlukan ibu bapa mereka” (M. I. I. al-Uthman, 2001). Menghormati guru akan memudahkan para pelajar memahami ilmu pengetahuan. Menurut Zarnuji (1981), “seorang penuntut ilmu tidak akan mampu memiliki ilmu dan mengambil manfaat dari ilmunya melainkan dengan cara menghormati ilmu dan menghormati gurunya dan siapa yang mengajarkan kamu satu huruf untuk memahami agama, maka dia adalah bapa kamu dalam agama.”

Pelajar yang beradab dengan guru adalah pelajar yang memberi ketaatan kepada guru dalam pembelajarannya. Maksud taat pada guru ialah menuruti guru dalam pengajarannya sebagaimana seorang pesakit kepada seorang doctor kerana merendah diri di sisi guru adalah satu kemuliaan (Ibn Jamaah, 2012). Memohon izin untuk hadir ke pengajian guru dan memberi penghormatan di dalam atau di luar kelas pengajian adalah juga kewajipan

seorang pelajar. Seorang pelajar tidak dibenarkan memasuki majlis ilmu melainkan dengan keizinan guru yang mengajar kerana ia adalah sebahagian daripada adab.

Sarjana Islam menjelaskan, apabila seorang murid ditanyai guru, siapa itu? Jika murid itu sekadar menjawab ini ‘saya’ tanpa menyatakan namanya, ia dianggap tidak beradab dalam meminta izin. Jika pelajar mendatangi pintu tempat keberadaan guru, dan pintu itu terbuka, perbuatan berdiri mengadap pintu tidak dianggap beradab. Sebaliknya dia hendaklah berada di sebelah kiri atau kanan pintu dan memberi salam (Abu Abdillah, 1993).

Menurut Ibnu Jamaah, apabila pelajar itu meminta izin untuk masuk dan guru tidak membalas, maka pelajar perlu beredar. Pelajar juga tidak dibenarkan mengetuk pintu guru melebihi 3 kali. Ketukan itu pula perlukan lembut bermula dengan mengetuk pintu dengan kuku, jika tidak kedengaran kemudian mengetuknya dengan jari (Ibn Jamaah, 2012). Penjelasan ini menunjukkan perbincangan terperinci tentang persoalan adab oleh para sarjana Islam dahulu walaupun ia sekadar adab ketika meminta izin untuk hadir pengajian dengan para guru.

Penghormatan kepada guru juga berlanjutan hingga di luar pengajian. Apabila seorang murid berjalan bersama-sama dengan gurunya ketika matahari terik dan ada tempat yang diteduhi dengan bayang matahari, mereka perlu memberikan ruang teduh itu kepada guru untuk berjalan dan pelajar berjalan di bawah matahari. Sekiranya ada bayangan guru maka pelajar hendaklah mengelak daripada memijak bayangan guru tetapi memilih untuk berjalan pada sudut yang tiada bayangan guru (Awwamah, 2013).

### *Adab dengan Ilmu*

Mendapatkan ilmu pengetahuan merupakan matlamat utama pengajian. Justeru, pelajar perlu menjaga adab dirinya dengan ilmu pengetahuan. Beradab dengan ilmu adalah mendapatkan ilmu daripada pengajaran lisan (musyafahah) guru dan tidak bergantung sepenuhnya kepada buku atau kitab untuk memahami sesuatu ilmu. Menurut Imam al-Nawawi (2001), ulama’ dahulu menyatakan, “Janganlah mengambil ilmu dari orang yang mengambilnya langsung daripada buku tanpa mempelajarinya dari para guru. Siapa yang mengambil ilmu terus daripada buku, maka ia berkemungkinan keliru dan menyimpang dari kefahaman yang benar.” Imam Awzai’e, sebagaimana dinyatakan oleh Abu Zaid (2002), menjelaskan, “Ilmu ini dalam keadaan yang mulia apabila diambil dari

para ulama', sesiapa yang mengambil ilmu terus kepada buku, maka dia memasuki mempelajari ilmu bukan dari ahlinya." Hal ini kerana ilmu agama bukan maklumat, tetapi berkaitan kefahaman, pendidikan dan pembentukan diri. Keadaan ini hanya berlaku menerusi pembelajaran dengan guru (Awwamah, 2013).

Seorang pelajar juga perlu mempelajari ilmu secara berperingkat-peringkat (Abu Abdillah, 2001). Ilmu tidak akan diperolehi sekaligus dengan kadar yang banyak. Ibnu Khaldun menyatakan, "Ketahuilah bahawa mengajarkan ilmu kepada para pelajar akan lebih bermanfaat sekiranya diajar secara sedikit demi sedikit" (Abu Abdillah, 2001). Dalam pengajian Islam, ada beberapa bentuk buku yang ditulis oleh para sarjana berdasarkan keperluan pelajar yang berbeza latar belakang. Ada buku yang berbentuk matan, ada yang berbentuk syarah dan ada juga dalam bentuk hasyiah. Pembelajaran buku ini juga perlu melihat kepada peringkat dan kemampuan pelajar. Dalam nasihatnya, Imam al-Nawawi (2001) menerangkan bahawa pelajar boleh beralih kepada kitab yang lebih besar sekiranya mereka telah selesai mempelajari buku-buku ringkasan.

Setelah selesai belajar sesuatu ilmu dengan guru, pelajar perlu menghafalnya. Menulis kembali ilmu yang dipelajari adalah antara cara untuk memudahkan penghafalan pelajar. al-Sya'bi berkata, dalam Abu Zaid (2002), "apabila kamu mendengar sesuatu ilmu, maka tulislah." Setelah menghafal ilmu, kemuncak kepada ilmu tersebut ialah beramal dengannya. Sesuatu ilmu dianggap sebagai ilmu yang bermanfaat hanya apabila ia mampu diamalkan oleh pelajar (Abu Zaid, 2002).

### *Adab dengan Buku*

Seorang pelajar perlu memiliki buku sebagai rujukan dalam pengajian ilmu (Ibn Jamaah, 2012). Jika sekiranya seorang pelajar tidak mampu untuk membeli buku, maka dia perlu meminjamnya. Waki' ibn Jarrah berkata, "Awal keberkatan ilmu hadis adalah memiliki buku" (Abu Abdillah, 1993). Manakala Sufyan al-Thauri pula menyatakan, "Sesiapa yang kedekut dengan ilmunya, dia akan diuji dengan tiga perkara, iaitu samaada dia akan lupa ilmunya dan dia tidak mampu menghafal, atau dia meninggalkan dunia sedangkan dia tidak mampu mengambil manfaat dari ilmunya, atau dihilangkan buku daripada dirinya". Malah jika pelajar menyalin sesuatu daripada buku, perbuatan meletak buku itu di atas lantai atau tanah dianggap tidak beradab dengan buku-buku ilmiah.

Adab pelajar dengan buku termasuklah berada dalam keadaan bersuci apabila ingin membaca kitab karangan para ulama'. Imam al-Hilwani, menurut Awwamah (2013), menyatakan, "aku mendapatkan ilmu ini dengan aku memuliakan ilmu ini sesungguhnya aku tidak akan membaca melainkan aku dalam keadaan bersuci". Imam al-Sarakhsi dinyatakan pernah berwuduk sebanyak 17 kali pada suatu malam akibat sakit perut. Hal ini kerana ulama dahulu tidak akan membaca buku melainkan dalam keadaan bersuci (Awwamah, 2013).

Berkenaan kaedah menyusun buku ilmiah karangan para ulama', ia hendaklah disusun berdasarkan keutamaan ilmu. Buku yang paling mulia tahap ilmunya disusun paling atas berbanding yang lain. Sekiranya ada al-Quran, ia diletakkan pada susunan teratas, diikuti buku tentang hadis nabi seperti sahih Bukhari dan Sahih Muslim, buku berkaitan tafsir al-Quran, buku yang memberi penjelasan terhadap hadis dan kemudiannya buku Usul din, Usul Fiqh, Fiqh, nahu dan sarf, syair Arab dan buku ilmu 'Arudh. Jika terdapat dua buah buku yang sama keutamaan ilmunya, maka buku yang paling banyak disebut ayat al-Quran dan hadis di dalamnya didahulukan. Jika kedua-duanya masih sama, pengarang yang lebih tinggi kedudukannya didahulukan. Jika ia masih lagi sama, buku yang lebih dahulu dikarang didahulukan dan jika masih sama, didahulukan buku yang paling banyak menjadi rujukan dalam kalangan ulama'.

### *Adab dalam Majlis Ilmu*

Majlis ilmu ialah tempat di mana para pelajar bertemu dengan guru untuk mendapatkan ilmu dan kefahaman. Ia memerlukan adab dan kesopanan, antaranya ialah pelajar bersegera hadir ke majlis ilmu dan tidak lewat. Hadir awal ke kelas bukan hanya tentang rasa hormat kepada guru tetapi ia adalah gambaran kesungguhan pelajar untuk mendapatkan ilmu.

Majlis ilmu yang paling digalakkan adalah majlis ilmu atau zikir dalam bentuk halaqah (al-Asqalani, 1997). Adab duduk seorang pelajar dalam majlis ilmu adalah dalam keadaan duduk sebagai seorang pelajar dan bukan seperti seorang guru. Keadaan duduknya pelajar di hadapan guru menurut adab yang sebenar ialah seperti duduknya seorang anak kecil. Jarak kedudukan terbaik dalam majlis ilmu adalah yang paling dekat dengan guru kerana dapat membantu pelajar lebih memahami pengajaran guru.

Pelajar perlu menjaga pergerakan badan agar tidak berlebihan. Dalam hal ini, seorang pelajar berada

dalam majlis ilmu tidak dibenarkan untuk berpaling ke kanan atau ke kiri atau ke atas tanpa ada keperluan. Imam al-Nawawi (2001) menjelaskan adab antara Imam as-Syafiee dan gurunya Imam Malik ibn Anas dalam majlis ilmu, sebagaimana katanya, “aku membuka helaian buku aku di hadapan Imam Malik dengan sangat lembut dan perlahan demi kehormatan kepada Imam Malik, semoga Imam Malik tidak mendengar bunyi kertas pada buku aku.”

Beberapa adab lain ketika majlis ilmu sedang berlangsung ialah tidak ketawa atau meninggikan suara tanpa keperluan dan duduk mengadap kepada guru. Pada permulaan kelas, pelajar disarankan memulakannya dengan membaca tasmiah dan berselawat ke atas Rasulullah, para sahabat, tabiin, para ulama’ dan guru serta semua orang Islam (Abu Abdillah, 1993). Jika ada penerangan guru yang tidak jelas, pelajar dinasihatkan untuk bertanya. Pertanyaan pelajar kepada guru dapat menghilangkan keraguan dan kesamaran yang ada pada pelajar (al-Mawardi, 1985).

Amalan bertanya kepada guru telah menjadikan Abdullah ibn Abbas seorang yang alim. Dalam hal ini, pelajar hendaklah membuang sifat malu untuk bertanya tentang perkara yang menimbulkan keraguan kepada dirinya. Dia hendaklah mengemukakan pertanyaan dengan cara yang baik, beradab dan mampu mendorong guru untuk menjawab menerusi penerangan yang jelas serta memberi manfaat kepada pelajar yang lain juga. Sekiranya pelajar tidak bertanya dengan beradab, ia boleh menyebabkan guru enggan menjawab menerusi penerangan yang jelas dan baik (al-Uthman, 2001). Hal ini kerana pertanyaan yang baik adalah sebahagian daripada ilmu (al-Asqalani, 1997). Ringkasnya, adab dalam majlis ilmu tidak terhad kepada mendengar penerangan yang baik daripada guru semata-mata tetapi seorang pelajar perlu bertanya jika tidak memahami penjelasan guru.

## Kesimpulan

Proses pendidikan telah mengalami perkembangan dengan pelaksanaan prinsip pendidikan konvensional dan moden serta penggunaan teknologi yang semakin canggih dan meluas. Namun dalam memperkasakan bentuk penyampaian maklumat kepada para pelajar, guru perlu juga mengambil kesempatan daripada kemudahan dan perkembangan ini. Pada masa yang sama, guru perlu juga memastikan penggunaan teknologi tidak mengetepikan aspek pembentukan peribadi pelajar melalui pendidikan adab dalam memulakan proses pengajaran dan pembelajaran.

## Penghargaan

Kajian ini dibiayai Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti (PPP/USG-0216/FPBU/PPT/30/18416), Universiti Sains Islam Malaysia.

## Rujukan

- Abu Abdillah, M. I. S. I. R. (n.d.). *Afat al-Ilmi*. Mesir: Darul Adhwa’ Al-Salaf.
- Abu Abdillah, M. I. S. I. R. (1993). *Adab Tolibi al-Ilmi*. Beirut: Dar Ibnu Hazam.
- Abu Abdillah, M. I. S. I. R. (2001). *Maratib Toalab al-ilmu wa Turuq Tahsilihi*. Mesir: Dar Adhwa’ as-Salaf.
- Abu Hasan, A. B. F. B. Z. (1979). *Mu’jam Maqayis al-Lughoh*. In *Mu’jam Maqayis al-Lughoh* (p. 74). Lubnan: Darul Fikr.
- Abu Zaid, B. I. A. (2002). *Hilyah Tolibil Ilmi*. Lubnan: Muassasah Ar-Risalah.
- Al-Asqalani, A. I. A. I. H. (1997). *Fathu Bari*. Riyadh: Al-Maktabah as-Salafiah.
- Al-Ghazali, M. I. A. (1998). *Ihya’ Ulumuddin*. Beirut: Darul Kutub Ilmiah.
- Al-Mawardi, A. H. A. I. M. I. H. al-B. (1985). *Adab ad-Dunya wa ad-Din*. Beirut: Dar Iqra’.
- Al-Uthman, M. I. (2001). *an-Nubaz fi Adabi Tolibi al-Ilmi*. Kuwait: Maktabah Ibnu Qayyim.
- Al-Uthman, M. I. I. (2001). *An-Nubadz Adab Tolibi al-Ilmi*. Beirut: Maktabah Darul Qayyim.
- Al-Zarnuji., B. al-I. (1981). *Ta’lim al-Muatallim Toriqa at-Taallum*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Nawawi, A.-I. A. Z. Y. I. S. as-S. (2001). *Majmu’ Syarah al-Muhazzab*. Lubnan: Darul Ihya’ at-Turath.
- Asmawati Suhid. (2007). *Pengajaran Adab & Akhlak Islam dalam Membangunkan Modal Insan*. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, (8), 167–178.
- Awwamah, M. (2013). *Maalim Irsyadiah*. Beirut: Darul Qurtubah.
- Fadhl Ilahi. (2003). *Annabiyyu al-Karim Mualliman*. Jakarta: Pustaka Imam Syafiee.
- Ibn Jamaah, al-I. al-Q. B. M. I. I. S. (2012). *Tazkirah as-Sami’ fi Adabi al-Alim wal al-Mutakallim*. Beirut: Darul Basyair al-Islamiah.
- Ibnu Qayyim, A.-I. al-jauziah M. I. A. B. az-Z. (2011). *Madarijul as-Salikin*. In *Madarijul as-Salikin* (p. 356). Saudi Arabia: Darul as-Somi’e.
- Sahnun, I. (1972). *Kitab Adab al-Mu’allimin*. Tunis.